

20 AUG 1998

Mahathir-Melayu

KERAJAAN AKAN TERUS BANTU BUMIPUTERA

KUALA LUMPUR, 20 Ogos (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata kerajaan akan meneruskan prinsip-prinsip di bawah Dasar Ekonomi Baru (DEB) dengan memberi bantuan kepada Bumiputera dalam semua bidang dan peringkat walaupun dasar itu dituduh mengamalkan kronisme.

Perdana Menteri berkata kerajaan akan meneruskan prinsip-prinsip di bawah DEB, dan kaum Bumiputera akan terus mendapat bahagian mereka seperti yang digariskan di bawah dasar itu.

"Kita kecewa ada orang Melayu sendiri yang mengecam kononnya dasar itu dibentuk untuk orang-orang tertentu yang menjadi kroni kepada kerajaan," kata beliau ketika merasmikan mesyuarat agung ke-19 Persatuan Kontraktor Melayu Malaysia di sini hari ini.

Dr Mahathir berkata sebenarnya semua orang Melayu adalah kroni kerajaan dan tidak ada seorang pun orang Melayu yang boleh kata dia tidak mendapat sesuatu daripada DEB.

Katanya, ada yang menuduh DEB menguntungkan beberapa kerat orang yang menjadi saudara-mara, anak-cucu dan rakan-rakan pemimpin negara.

"Sebenarnya, ia tidak bergantung kepada kaitan atau hubungan dengan pemimpin. Tetapi ia bergantung kepada kebolehan masing-masing," kata beliau.

Dr Mahathir berkata DEB diteruskan kerana pembangunan negara mesti seimbang di antara kaum.

"Kita dapat mengatasi masalah perbezaan ekonomi antara kaum di bawah DEB tetapi kini pihak asing bukan sahaja cuba menyekat kek pertumbuhan ekonomi negara tetapi mereka memperkecilkan kek yang sudah dibesarkan itu," katanya.

Beliau memberi contoh, kalau dahulu Keluaran Dalam Negara Kasar (GDP) negara pada tahap AS\$100 bilion, tetapi sekarang ia hanya AS\$40 bilion, manakala pendapatan per kapita negara yang dahulunya AS\$5,000 telah jatuh kepada AS\$2,000.

"Ini bermakna kek ekonomi negara telah diperkecilkan secara sengaja oleh orang asing. Dengan memperkecilkan kek ekonomi negara, agihan kaum tidak boleh lagi dibuat secara saksama dan perbezaan kaum akan menjadi ketara," katanya.

Beliau memberi jaminan bahawa kerajaan sedang mengkaji cara-cara mengatasi kegawatan ekonomi sekarang dan ini boleh dicapai sekiranya negara tenang, tenteram dan rakyat terus menyokong kerajaan.

Katanya, dalam keadaan kerajaan menghadapi kegawatan pihak asing mengambil kesempatan dengan membeli syarikat-syarikat tempatan yang mengalami kejatuhan dalam nilai pasaran saham.

"Kita tahu sekarang mereka (orang asing) membeli saham pada harga murah dengan harapan satu hari nanti mereka boleh menguasai semua syarikat kita.

Dr Mahathir berkata inilah bahaya yang dihadapi sekarang dan kerajaan menyedarinya terutama Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) yang sedang mengkaji perkara itu.

"Kita berharap sedikit sebanyak usaha kerajaan itu akan dapat mempertahankan kedudukan negara," katanya.

Menyentuh mengenai kontraktor Melayu, Dr Mahathir berkata kerajaan akan terus menolong mereka supaya satu hari mereka akan dikenali semata-mata sebagai kontraktor berwibawa yang mempunyai keupayaan melaksanakan projek besar.

"Cita-cita kita ialah satu hari nanti kontraktor Bumiputera dapat

bersaing menyertai tender dan mendapatkan kontrak swasta dan kontrak di dunia dan ini akan membuktikan kewibawaan mereka," katanya.

Katanya, matlamat kerajaan ialah apabila kontraktor Bumiputera itu sudah cekap, mereka tidak perlu lagi bergantung kepada kerajaan.

-- BERNAMA

ARA AA NMO